

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY

[BACHOK]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah jaminan pembinaan empangan Lebir dan Nenggiri di Kelantan tidak melebihi RM3 bilion sebagaimana yang telah diumumkan. Nyatakan senarai empangan yang telah dibina melebihi kos asal pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Empangan Lebir dan empangan Nenggiri di Kelantan adalah projek-projek dwi-fungsi yang dicadangkan bagi tujuan penjanaan elektrik dan tebatan banjir. Projek Nenggiri dengan kapasiti penjanaan sebanyak 300MW dan projek Lebir sebanyak 274MW masing-masing dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat pada tahun 2022 dan 2025. Pada masa sekarang, kos projek masih belum dapat ditentukan kerana kajian-kajian berkaitan projek termasuk kajian kejuruteraan masih belum selesai, manakala kerja-kerja pembinaan hanya akan dimulakan setelah mendapat kelulusan.

2. Dalam menilai pelaksanaan projek hidrolektrik, manfaat yang bakal diperolehi tidak hanya diukur melalui elektrik yang dijana tetapi juga meliputi aspek-aspek kawalan banjir dan kemarau, bekalan air bagi loji-loji rawatan air dan kawasan pertanian serta potensi pelancongan.

3. Projek-projek hidroelektrik berskala besar lazimnya mempunyai komponen-komponen seperti empangan utama, *saddle dams*, terowong bawah tanah, unit janakuasa dan sistem penghantaran. Tidak seperti loji-loji gas dan arang batu yang kebiasaannya dibina dengan konsep *turnkey* kerana risiko geologi yang rendah dan tidak bersifat *site-specific*, projek hidroelektrik lazimnya dibina dengan spesifikasi khusus dan bergantung kepada rekaan awal berdasarkan *preliminary soil investigation*. Kos pembinaan yang diunjurkan juga adalah berdasarkan kajian awal yang dilaksanakan. Kos mungkin akan meningkat sekiranya terdapat perbezaan ketara dalam struktur tanah sebenar berbanding ujian awal yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.
